NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#28

22 Ogos 2024 – 28 Ogos 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Pembangunan Semula Bandar: Lagi Akta Baru 2
Kedah Minta KPM Profesional & Demokratik 5
Benarkah Rasuah NAFAS Berisiko Sederhana? 8
Lubang Benam Kuala Lumpur Semakin Ketara 10
Korea Utara Uji Dron Letupan Terbaru 12

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Pembangunan Semula Bandar: Lagi Akta Baru

- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam proses mempertimbangkan **Akta Pembangunan Semula Bandar** (URA) bagi kelulusan dalam sidang Oktober 2024.
- Kerajaan telah pun mewartakan Garis Panduan Pembaharuan Semula Bandar bermula tahun 2023. Antara piawaian yang ditetapkan adalah pengambilan tanah mestilah mendapat persetujuan sebulat suara (100%) dalam kalangan pemilik kediaman strata atau dikenali sebagai jualan en-blok. Manakala melalui akta baru ini, **ambang persetujuan (*consent threshold*) ini akan dikurangkan**.
- Para pemain industri menyarankan bahawa ambang persetujuan sebanyak 90% untuk bangunan yang berumur kurang dari 10 tahun, 80% untuk bangunan yang berumur antara 10 hingga 20 tahun, dan 75% untuk bangunan yang lebih tua dari 20 tahun. Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) menentang penetapan "ambang persetujuan" selain daripada persetujuan 100%.
- Seorang pakar hartanah, Prof Dr Ismail Omar memberi amaran mengenai tipu daya yang dilakukan oleh agensi atau pelaku pembangunan tanah di negara ini yang tampak bagaikan 'hero', namun sebenarnya mereka ini 'perompak dan pencuri'.
- Beliau juga ada menyebut bahawa sehingga kini negara kita telah mempunyai lebih kurang **125 akta berkaitan tanah**. Meskipun begitu, undang-undang tersebut sering tidak digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam perancangan dan pengurusan. Ini menyebabkan berlakunya banyak konflik, perselisihan dan kesilapan dalam penilaian.
- Ini menimbulkan tanda tanya tentang sejauh mana pegawai-pegawai di **Jabatan Tanah dan Galian** (PTG) memahami dan menghayati falsafah di sebalik akta-akta tersebut. Malah, mengikut mekanisme perjawatan sekarang,

ada yang tidak mempunyai kelayakan dalam bidang tanah tetapi dilantik menjadi pegawai tanah.

- Tambahan pula, sampai sekarang isu pembangunan di Kawasan Penempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru masih belum selesai. Selain itu, terdapat isu tanah rizab Melayu (TRM) yang dimiliki oleh orang bukan Melayu, pengambilan TRM untuk tujuan pembangunan tidak diganti semula, isu tanah pusaka dan yang terkini pengambilan tanah di Mukim Duta yang menjadi pertikaian mahkamah sehingga 64 tahun.
- Oleh itu, KPKT perlu menyelesaikan isu dari akar umbi dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Dibimbangi dengan menambah akta baru ia tidak menangani masalah yang tidak kunjung selesai.
- Antara **undang-undang sedia ada** melibatkan penjanaan bandar, pembangunan semula, peremajaan bandar dan pemuliharaan bandar melalui Akta 172, membabitkan bangunan lama dan baharu, melibatkan kawasan brownfield, greyfield dan padat penduduk melalui Akta 172, 139 tapak projek di sekitar DBKL untuk maksud pembangunan seimbang, proaktif dan pertumbuhan dan peluang ekonomi melalui Akta 733, tentang nisbah ketumpatan melalui Akta 171 dan Akta 172 dan pengambilan tanah lebih ringkas melalui Akta 486.
- Pemilikan tanah adalah sangat penting sebagai satu indikator yang menentukan kedaulatan sesuatu negara. Dalam hal ini, kerajaan perlu memastikan keutamaan keadilan diberikan kepada warganegara dan pemilik yang telah menetap disitu. Tidak dinafikan pemaju dan kerajaan memerlukan sumber kewangan, tetapi pembangunan yang berlebihan hanya akan memusnahkan ekosistem kehidupan. Justeru, bersikap adillah dan selesaikanlah dahulu masalah sedia ada dengan wajar.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/PnP/2024/02/1063370/pembangunan-terbantut
- https://www.edgeprop.my/content/1907480/akta-pembaharuan-bandar-bertentangan-dengan-perlembagaan
- https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/06/166688/tingkat-nilai-pasaran-tanah-rizab-melayu
- https://harakahdaily.net/index.php/2024/06/30/pembangunan-tanah-sedari-muslihat-yang-wujud/

Kedah Minta KPM Profesional & Demokratik

- Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah pada Isnin lalu menyaksikan kritikan pedas Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dilihat tidak profesional dan lebih **cenderung melaksanakan agenda politik** berbanding tanggungjawab sebenar terhadap rakyat.

- Tegas Sanusi, kerajaan negeri yang dipimpin beliau mempunyai banyak rancangan besar untuk membantu kementerian dalam **menangani isu keciciran pelajar**. Namun, agenda itu kerap kali terbantut dan tidak mendapat kerjasama oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah tanpa alasan yang munasabah.



- Beliau turut menyelar jawapan lisan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Mohd. Azam Abd. Samat yang memaklumkan, Program Komitmen Kedah Mendidik Pelajar Sukses (KOMPas) dianjurkan kerajaan negeri **tidak mendapat kerjasama JPN** serta tidak membenarkan guru dan pelajar menyertainya.

- Menurut Sanusi, KOMPas mendapat peruntukan kerajaan negeri RM100,000 setahun bagi membuat kajian serta mencadangkan langkah-langkah berkesan bagi mengatasi masalah pelajar yang berkemungkinan tercicir daripada sistem pendidikan di Kedah. Ia bukan program yang bermotif politik malahan dijalankan secara telus oleh kumpulan penyelidik profesional daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

- Tambah Sanusi lagi, penjawat awam tidak sewajarnya menyalah guna kuasa serta menjadi ejen pelaksana kepada agenda politik kepartian bagi tujuan menyekat suara-suara dan usaha murni kerajaan negeri yang disifatkan beliau boleh membawa kehancuran kepada institusi pendidikan negara kita.
- Kritikan Sanusi itu mendapat respon balas sinis Ketua Angkatan Muda KEADILAN (AMK) Kedah, Dr Taufiq Johari yang menyifatkan kenyataan Menteri Besar Kedah itu sebagai tuduhan melulu dan mencemarkan nama institusi pendidikan serta penjawat awam yang berkhidmat menjalankan tugas mengikut apa yang telah diamanahkan.
- Menurut Taufik, jika Sanusi ingin rakyat termasuk KPM terbuka kepada dasar beliau di peringkat negeri, beliau seharusnya **menerima dasar Malaysia Madani** sebagai dasar Kerajaan Persekutuan.
- Terdahulu, Exco Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi dan Sains Teknologi dan Inovasi Kedah, Dr Haim Hilman Abdullah turut menyeru agar polemik terhadap larangan mana-mana ahli politik terutamanya para pemimpin di peringkat kerajaan negeri mengikuti program membabitkan pihak sekolah dihentikan kerana ia boleh merugikan masa depan negara.
- Beliau turut berharap agar kerajaan persekutuan tidak mencampuradukkan antara urusan politik kepartian dan pembangunan pendidikan sebaliknya semua pihak harus mempunyai jiwa besar dengan mengenepikan sentimen politik dan fokus kepada objektif membangunkan negara dan anak bangsa.
- Sejak kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) menerajui pentadbiran di peringkat persekutuan, para pemimpin di negeri-negeri yang dikuasai pembangkang (Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu) terus mendapat layanan tidak demokratik oleh KPM meskipun atas urusan rasmi berkaitan kebajikan guru dan pelajar.


- Ironinya, **amalan menghalang wakil-wakil rakyat** termasuk Menteri Besar dan Exco Pendidikan negeri yang dilantik secara sah ini antara perkara yang pernah dikritik keras oleh para pemimpin PH dahulu sebagai tidak profesional dan pilih kasih.
- Pada 2015 contohnya, Nik Nazmi Nik Ahmad yang ketika itu merupakan Exco Pendidikan Selangor sering mengkritik dasar tersebut oleh kerajaan persekutuan kerana menghalang beliau dan barisan pemimpin kerajaan negeri yang lain memasuki sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) meskipun atas urusan-urusan rasmi.
- Anehnya, setelah berjaya menerajui Putrajaya, PH ibarat lupa sejarah mengenai apa yang diperjuangkan dahulu apabila meneruskan amalan-amalan tidak profesional serta pilih kasih terhadap negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/kedah-dakwa-kpm-beri-arahan-politik/
- https://www.sinarharian.com.my/article/682391/edisi/utara/kedah-kecewa-wujud-politik-kepartian-dalam-sektor-pendidikan
- https://www.sinarharian.com.my/article/654715/edisi/utara/henti-polemik-larangan-masuk-sekolah---exco-kedah
- https://www.suarakeadilan.my/post/kementerian-pendidikan-semai-agenda-politik-amk-kedah-bidas-mb-sanusi

Benarkah Rasuah NAFAS Berisiko Sederhana?

- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan **Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi** (OACS) bagi 2024 hingga 2028 yang dikenali sebagai GENTAR.
- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pelancaran GENTAR itu adalah komitmen NAFAS ke arah **menghapuskan segala bentuk rasuah** di setiap peringkat.



- Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob pula berkata, lima aspek utama GENTAR adalah pentadbiran, tadbir urus korporat, perolehan, kewangan dan operasi bakal menjadi panduan dalam pelan strategi itu.
- Antara yang ditegaskan dalam GENTAR ialah semua bentuk perolehan, projek dan hadiah hendaklah melalui jalan yang telus dan integriti. Apa yang disebut hadiah dan pemberian yang kadang-kadangnya berlaku merupakan satu bentuk rasuah kepada kakitangan NAFAS.
- Namun sebenarnya, agak pelik jika kakitangan NAFAS masih belum arif isu perolehan hadiah dianggap sebagai rasuah memandangkan dari segi organisasinya, NAFAS dipantau oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu sendiri.

- Beliau juga menyatakan bahawa NAFAS kini telah dikategorikan **sebagai risiko sederhana** bagi penarafan 2023 berbanding risiko tinggi pada 2020 menunjukkan masih banyak ketirisan berlaku dalam pertubuhan itu. Persoalannya, pihak manakah yang memberikan penarafan risiko sederhana kepada NAFAS, sama ada pihak luar ataupun audit dalaman NAFAS itu sendiri?

- NAFAS juga pernah digantung tiga bulan pada 2018 berlakunya salah guna kuasa dan ketirisan teruk yang menyebabkan kerugian entiti LPP dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

- Dalam majlis yang sama, Menteri KPKM turut menyatakan kerajaan dalam proses merancang untuk **mengeksport durian kampung** ke negara China selepas negara itu menerima pasaran durian segar dari negara kita. Kerajaan kini giat melaksanakan perbincangan dengan syarikat dan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China bagi merealisasikan hasrat itu.

- Menurut beliau sekiranya perbincangan itu berjaya, LPP dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menjadi ejen pengumpulan durian berkenaan sebelum dihantar ke negara itu. Apapun, permintaan durian kampung itu masih dalam proses kajian dan pemecahan kategori manakah yang diterima sebagai durian kampung juga tidak dinyatakan.


RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/682681/berita/nasional/gentar-panduan-kakitangan-nafas-bebas-rasuah
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/06/434826/operasi-nafas-digantung
- https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/malaysia-akan-eksport-durian-kampung-ke-china

Lubang Benam Kuala Lumpur Semakin Ketara

- Setelah seminggu **insiden tanah jerlus** di Jalan Masjid India, mangsa warga India dikenali sebagai Vijayaletchumy yang terjatuh ke lubang sedalam lapan meter masih belum ditemui.
- Sehingga kini **operasi mencari dan menyelamat** (SAR) masih diteruskan, melibatkan beberapa agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Indah Water Konsortium.
- Ekoran kegagalan SAR yang dilakukan di lima daripada enam lurang kumbahan IWK, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur memutuskan untuk melakukan teknik 'flushing'. Langkah ini diambil berhampiran Bank Pertanian Lebuh Pasar Besar dan Bulatan Kinabalu setelah mendapati arus di kedua-dua lokasi agak perlahan dipercayai disebabkan ada sekatan atau reruntuhan puing.
- Misi SAR di tangki loji IWK turut berhadapan cabaran apabila terdapat gas berbahaya seperti hidrogen sulfida dan metana yang beracun dan mudah terbakar. Anggota SAR diturunkan menggunakan sistem tali ke dasar tangki dan mengenakan pakaian perlindungan diri (PPE) khas yang hanya boleh digunakan sekali.
- Pakar geologi memberi amaran terdapat enam lokasi di sekitar ibu kota yang mempunyai risiko lebih besar untuk mengalami **fenomena lubang benam**. Enam kawasan dikategorikan berisiko tinggi dan sangat tinggi ialah Pudu, Cheras, Kepong, Kampung Baru, Ampang dan Pandan Jaya.
- Amaran ini berdasarkan kajian yang dilakukan pada tahun 2017 bertajuk "Sinkhole Susceptibility Hazard Zones Using GIS and Analytical Hierarchical Process (AHP): A Case Study of Kuala Lumpur and Ampang Jaya". Kajian tersebut mengambil kira lima parameter untuk menentukan tahap risiko

lubang benam iaitu jenis batuan, jenis tanah, penggunaan tanah, penurunan paras air dan jarak dengan air bawah tanah.



- Datuk Bandar Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif walau bagaimanapun menafikan dakwaan bahawa Kuala Lumpur berdepan ancaman insiden 'giant sinkhole' pada bila-bila masa. Namun, langkah berjaga-jaga tetap diambil dengan menubuhkan pasukan khas dianggotai antaranya Jabatan Geologi dan Jabatan Kerja Raya

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/716995
- Sinkhole Susceptibility Hazard Zones Using GIS and Analytical Hierarchical Process (AHP): A Case Study of Kuala Lumpur and Ampang Jaya https://isprs-archives.copernicus.org/articles/XLII-4-W5/145/2017/isprs-archives-XLII-4-W5-145-2017.pdf
- https://malaysiagazette.com/2024/08/26/kepong-kampung-baru-ampang-dan-pandan-jaya-berisiko-tinggi-lubang-benam/

Korea Utara Uji Dron Letupan Terbaru

- Pemimpin Korea Utara, Kim Jong Un dilaporkan telah memantau demonstrasi **dron letupan baharu** yang direka untuk merempuh sasaran pada jarak tertentu. Dikatakan jarak tersebut boleh mencapai sehingga ke ibu kota Korea Selatan. Ujian pemantauan dron tersebut dilaksanakan di Institut Dron, Akademik Sains Pertahanan Korea Utara.

- Laporan antarabangsa mendedahkan beberapa foto-foto ujian dari Korea Utara, di mana pemimpin utama negara tersebut memantau dron berwarna putih. Dron letupan terbaru mampu melanggar dan memusnahkan sasaran serta mempunyai keupayaan seperti Kereta Tempur K-2, salah satu kereta kebal terbaik di dunia yang dihasilkan oleh Korea Selatan.

- Sebelum ini, Korea Selatan menguar-uarkan akan membina 250 pelancar peluru berpandu berkeupayaan nuklear sebagai **pertahanan utama negara** mereka. Pelancar tersebut berfungsi untuk melancarkan peluru berpandu balistik iaitu sebuah sistem senjata nuklear berimpak rendah (low-yield weapon).



- Pemimpin Korea Utara telah memberi komitmen untuk membangunkan dron tersebut bagi tujuan pertahanan dan keselamatan negara. Perkembangan pembangunan nuklear yang pantas ini sekali gus telah menimbulkan kegusaran bagi beberapa negara terutamanya negara jiran iaitu Korea Selatan.

- Hasil risikan Pertahanan Korea Selatan, dron yang dihasilkan oleh negara jirannya berupaya mengancam keselamatan negara mereka. Korea Selatan menjangkakan bahawa dron tersebut berpotensi mencapai julat jarak sehingga bandar utama Korea Selatan dan beberapa daerah berhampiran negara tersebut.

- Selain itu, dunia juga turut berjaga-jaga dengan hubungan diplomatik yang semakin akrab antara Korea Utara dan Rusia, di mana ia akan memberi kelebihan dari sudut **pembangunan senjata dan nuklear**. Dalam sidang kemuncak Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) tahun ini, kedua-dua negara tersebut telah bersetuju untuk mempertingkat kerjasama dari sudut ketenteraan dan ekonomi.


- Kesan daripada kepesatan teknologi ketenteraan Korea Utara, sekutu-sekutu Amerika Syarikat berusaha meningkatkan keupayaan dan kekerapan latihan ketenteraan sebagai kesiapsiagaan untuk mengukuhkan pertahanan darat dan udara.

- Kesiapsiagaan ini juga termasuk keupayaan untuk mengenal pasti, mengesan dan memintas teknologi yang dilancarkan oleh negara tersebut. Malah, aktiviti risikan melalui teknologi canggih juga dibangunkan bagi memperbaiki sistem pertahanan siber dan mengesan ancaman dron serta peluru berpandu melalui teknologi radar. Perkembangan ketenteraan Korea Utara ini secara tidak langsung telah meningkatkan ketegangan dan perlumbaan senjata antara blok Barat dan Blok USSR.

- Dalam menghadapi perkembangan ketenteraan Korea Utara dan ketegangan geopolitik, Malaysia perlu mengambil langkah bijaksana bagi mengukuhkan kedudukan dan hubungan diplomatik antara dua blok. Malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik yang seimbang dengan semua kuasa besar dan mencari peluang untuk memperkukuh keselamatan negara daripada ancaman kuasa-kuasa besar.

RUJUKAN

- https://abcnews.go.com/International/wireStory/north-korean-leader-supervises-test-suicide-drones-calls-113141509
- https://www.koreatimes.co.kr/www/nation/2024/08/103_381365.html
- https://www.youtube.com/watch?v=jvISFP5qOI4
- https://www.voanews.com/a/north-korea-marks-the-delivery-of-250-nuclear-capable-missile-launchers-to-frontline-units/7731492.html



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**